

27 MAR 2001

MAHATHIR-PERTUMBUHAN

PERTUMBUHAN KDNK 2001 DISEMAK SEMULA MENURUN

KUALA LUMPUR, 27 Mac (Bernama) -- Pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) tujuh peratus bagi tahun 2001 dijangka disemak semula menurun ekoran kelembapan ekonomi AS tetapi Malaysia masih lagi berada di kedudukan lebih baik berbanding kebanyakan negara lain, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Bercakap kepada pemberita selepas mengumumkan langkah persediaan untuk mengatasi kemerosotan permintaan luar di Dewan Parlimen di sini, hari ini, beliau berkata pertumbuhan dijangka rendah pada lima atau empat peratus.

Bagaimanapun, jika langkah persediaan yang diambil berjaya mencapai kejayaan, pertumbuhan enam peratus boleh diperolehi bagi 2001, tambahnya.

Beliau berkata pertumbuhan semakan itu masih lagi dalam perancangan kerana penurunan dalam Indeks Perindustrian Dow Jones adalah lebih besar daripada yang dijangkakan dan ia dijangka memberi kesan kepada ekonomi tempatan.

Antara langkah yang diumumkan hari ini adalah untuk meningkatkan ransangan fiskal sebanyak RM3 bilion sebagai tambahan kepada RM28.8 bilion yang telahpun diluluskan di bawah Belanjawan 2001. Ia dijangka meningkatkan pertumbuhan KDNK sebanyak 1.1 peratusan mata.

Mengenai sama ada paras kadar faedah juga boleh terus diturunkan untuk merangsang kegiatan ekonomi, beliau berkata kadar itu telahpun sangat rendah dan membantu sektor perniagaan memperolehi kemasukan kepada dana.

"Kami mungkin menurunkannya lagi jika keadaan memerlukan tetapi buat masa sekarang, ia belum begitu perlu," katanya.

Langkah-langkah yang diumumkan hari ini juga menggesa institusi kewangan mencapai pertumbuhan pinjaman lapan peratus setahun.

Kepada satu soalan sama ada bank-bank akan enggan memberi pinjaman, beliau berkata beliau menyedari masalah itu kerana kerajaan menghadapi kesukaran dalam mendesak mereka memberi pinjaman wang ketika krisis ekonomi.

Beliau berkata bank-bank akan lebih berhati-hati dan tidak memberi pinjaman dengan mudah tetapi Bank Negara akan mengawasi prestasi mereka.

Langkah lain yang diumumkan hari ini untuk menggalakkan penggunaan adalah pengurangan dalam pencaruman pekerja kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Jumlah itu akan dikurangkan sebanyak dua peratus daripada 11 peratus ketika ini kepada 9 peratus bagi tempoh setahun berkuatkuasa pada 1 April, 2001.

Berkaitan perkara ini, Mahathir berkata akan terdapat sesetengah pihak yang tidak begitu bersetuju dengan langkah-langkah ini walaupun pengurangan itu dianggap minimum.

KWSP, tambahnya, mempunyai antara kutipan terbesar di dunia. "Kita mengumpulkan dana kira-kira RM1.6 bilion sebulan, oleh itu penurunan sedikit seperti ini tidak akan menjejaskan jumlah yang diuruskan oleh KWSP. Malahan pada akhir tahun ini, jumlah dana dijangka melebihi RM200 bilion," katanya.

Mengenai pemberhentian pekerja, terutama oleh firma-firma elektronik yang terjejas oleh kelembapan ekonomi AS, beliau berkata masalah itu tidak begitu serius tetapi kerajaan telah mengambil pendekatan bahawa sebarang pemberhentian pekerja harus melibatkan pekerja asing terlebih dahulu.

Berkaitan perkara itu, Perdana Menteri berkata sejumlah besar pekerja Indonesia yang cuba memasuki negara ini mungkin memburukkan lagi keadaan tetapi kerajaan akan mengambil tindakan lebih tegas bagi memastikan perkara

ini tidak berlaku. -- BERNAMA
SHO SD ZK